

## Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Pasaran Tumbuhan Ubatan di Tamu Pantai Barat Sabah

*Involvement of Local Community in The Sale of Medicinal Plants at Tamu Markets of West Coast Sabah*

JURRY FOO

### ABSTRAK

*Penglibatan komuniti dalam penjualan tumbuhan ubatan pasar tempatan yang dikenali sebagai tamu, merupakan kelaziman yang telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat di Sabah. Pergantungan terhadap sumber tumbuhan ubatan itu boleh dikaitkan dengan konsep tradisi ruang dalam kajian geografi, di mana manusia mengorganisasi dan menyusun ruang yang digunakan bagi mencapai matlamat penghidupan yang lebih baik. Dalam konteks ini, penyusunan ruang pasaran tumbuhan merujuk kepada tindakan terhadap sumber yang dikendalikan di tamu, kerana ia membentuk corak penglibatan komuniti yang biasanya dilabelkan sebagai ‘peranan’. Oleh kerana semua tindakan manusia merupakan penentu kepada fenomena dalam ruang, maka artikel ini akan mengupas penglibatan masyarakat tempatan dalam penjualan tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat Sabah dari perspektif tradisi ruang. Seramai 107 responden yang terdiri daripada sembilan etnik tempatan telah terlibat dalam proses soal selidik dan sesi temubual. Hasil kajian mendapati bahawa kuasa penuh diberikan kepada penjual dalam membuat keputusan terhadap tindakannya di tamu, manakala aspek pendapatan menjadi faktor utama motif penglibatan. Manakala mobiliti pengetahuan dan sumber mengenai tumbuhan ubatan telah dibawa bersama melalui pergerakan penjual di dalam lingkungan kawasan kajian dan dibawa masuk dari lokasi lain. Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti tidak hanya tertakluk kepada tindakan, tetapi juga meliputi kuasa membuat keputusan dan proses mobiliti sumber dan bahan.*

*Kata kunci:* Penglibatan; komuniti; penjualan; tumbuhan ubatan; tamu

### ABSTRACT

*The involvement of communities in the sale of medicinal plants at tamu markets has become part of the cultural landscape of Sabah. Dependence on the source of the medicinal plants can be attributed to the concept of spatial traditions in geographic studies, in which humans organize and arrange the space to achieve goals, in accordance with their will and desires. In this context, the arrangement in the sale of medicinal plants at tamu markets is referred to action towards resources, as it forms a community engagement pattern that is usually labelled as ‘role’. Since actions are the determinants of phenomena in space, this article will examine the involvement of local communities in the sale of medicinal plants at the tamu in West Coast of Sabah from the perspective of spatial tradition. A total of 107 respondents, comprising nine ethnic groups, participated in questionnaires and interview sessions. Findings show that authority is given to the sellers in making decisions at the tamu, while income became the major factor of their involvement. Mobility of knowledge and resources on medicinal plants have been brought together through the sellers’ movements within the study area and brought in from another location. This study suggested that community involvement is not only subject to action, but also includes the power of decision-making and the process of mobility of resources and materials.*

*Keywords:* Involvement; community; market; medicinal plants; tamu

## PENGENALAN

Pasaran tumbuhan ubatan telah menjadi sebahagian daripada entiti budaya dalam *tamu* (Jurry et al. 2014). Komuniti tempatan di Sabah melibatkan diri dalam menjual pelbagai produk di pasar tempatan yang dikenali sebagai tamu. Penglibatan komuniti pemilik pengetahuan tradisi dalam pasaran tumbuhan ubatan boleh menggerakkan industri tersebut kepada tahap yang lebih tinggi (Abd Latif 2015). Secara umumnya setiap etnik mempunyai pengetahuan masing-masing dalam penggunaan tumbuhan sebagai ubat. Kumpulan etnik di Malaysia terkenal dengan amalan penggunaan tumbuhan dalam kehidupan sehari-hari (Kamaruddin, Kusalah & Abdul Latiff 2000), sama seperti masyarakat di Borneo yang memanfaatkan tumbuhan, haiwan dan mineral dalam sistem kesihatan (Fasihuddin & Ghazally 2003; Felix 2007). Sebilangan besar isi rumah dalam kalangan masyarakat tempatan di Sabah, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah bergantung sepenuhnya kepada tumbuhan ubatan, kerana harganya yang murah dan sumber yang mudah diperolehi (Andersen et al. 2003). Ini menunjukkan bahawa tumbuhan ubatan masih lagi penting dalam kehidupan masyarakat hari ini.


Penglibatan komuniti adalah berkaitan dengan perlakuan komuniti di dalam sesuatu perkara bagi memenuhi sesebuah matlamat atau keperluan. Penglibatan atau penyertaan komuniti juga dianggap sebagai konsep terbitan pembangunan komuniti, iaitu melibatkan tindakan aktif oleh ahli komuniti bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan dan menambah kemahiran diri dalam mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain, terutamanya pihak kerajaan (Nur Hafizah & Rahimah 2010). Bagi mencapai tujuan menaikkan taraf hidup, komuniti lazimnya melibatkan diri secara sukarela dengan mengambil peluang dan memikul tanggungjawab dalam masyarakatnya (Kalsum & Nor Ashikin 2006). Dalam hal ini, komuniti mengambil inisiatif sendiri dalam membuat keputusan. Penglibatan komuniti wujud apabila ahli komuniti diberi kuasa dan peluang untuk mengambil tindakan dan mempengaruhi keputusan dalam sesuatu rancangan atau dasar (Haliza 2013).

Dari sudut pandangan pengurusan sumber, matlamat penglibatan komuniti tidak tertakluk kepada pembangunan komuniti sahaja, tetapi juga kepada tujuan mengekalkan sumber yang

mempunyai kepentingan kepada penghidupan. Tren pengurusan sumber pada masa kini menekankan penglibatan komuniti sebagai kunci kejayaan bagi sesuatu program. Penglibatan komuniti boleh dilihat melalui dua aspek, iaitu melalui penyertaan dan pembahagian kuasa (Haslina & Regina 2009). Penyertaan komuniti juga melibatkan tahap aktiviti dan sumbangan individu kepada komuniti itu sendiri yang dilakukan melalui tanggungjawab sosial (Azlizan Talib, Hamzah Jusoh & Yahaya 2009). Penyertaan komuniti boleh membawa kepada transformasi melalui campur tangan dan penyertaan ahli yang mempunyai matlamat yang sama. Ini bermakna bahawa penglibatan komuniti bukan hanya berkaitan dengan tindakan melibatkan diri sahaja, tetapi termasuk juga pengetahuan yang menjadi panduan kepada pengurusan sumber tumbuhan itu sendiri.

Dari aspek penjualan tumbuhan ubatan, perbincangan berkenaan penglibatan komuniti ini difokuskan kepada aspek penyertaan dan kuasa penjual dalam kalangan komuniti tempatan dalam memainkan peranan dalam pengurusan sumber tersebut di tamu. Ini meliputi peranan komuniti tempatan sebagai pembekal kepada sumber tumbuhan ubatan, kesediaan mereka untuk meneruskan amalan penggunaan tumbuhan ubatan melalui kesanggupan menyebarkan pengetahuan berkenaan penggunaan sumber tumbuhan kepada pihak lain, serta usaha yang dilakukan untuk mengekalkan sumber tumbuhan. Penjelasan mengenai penglibatan komuniti itu dapat dirangkumkan sebagai satu konsep penting dalam menguruskan tumbuhan ubatan yang dijual di kawasan kajian.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep yang akan digunakan dalam memerihalkan penglibatan komuniti tempatan dalam penjualan tumbuhan ubatan di Pantai Barat Sabah. Penjual yang terlibat dalam penjualan tumbuhan ubatan mempunyai pengetahuan yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Penglibatan penjual dalam kalangan komuniti tempatan dari segi penyertaan dan pengagihan kuasa membentuk peranan mereka sebagai pembekal sumber, menyampaikan maklumat dan pengendali spesies tumbuhan ubatan yang dijual. Pengagihan kuasa itu merujuk kepada inisiatif sendiri dan proses membuat keputusan (Haliza 2013; Haslina & Regina 2009). Tindakan-tindakan ini akan mengalirkan sumber dan pengetahuan ke dalam ruang penjualan tumbuhan ubatan di tamu, yang seterusnya menjadi penentu




RAJAH 1. Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Penjualan Tumbuhan Ubatan

kepada pencapaian matlamat dalam penglibatan komuniti. Kerangka konsep ini menunjukkan satu hubungan selari antara penglibatan komuniti dalam mencapai matlamat penjualan tumbuhan ubatan di tamu.

Tahap pengetahuan komuniti boleh mempengaruhi tanggapan masyarakat terhadap fungsi sesuatu unsur daripada persekitaran fizikal (Katiman & Asmah 2006). Kebanyakan pengetahuan dan pengurusan tumbuhan ubatan dikendalikan oleh komuniti tempatan. Ini kerana penggunaan tumbuhan ubatan telah menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan. Justeru itu artikel ini dihasilkan untuk menghuraikan peranan etnik tempatan di Pantai Barat Sabah dalam kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan dari segi penyediaan bekalan dan penyebaran maklumat mengenai tumbuhan ubatan yang dijual, serta sebagai pengendali spesies.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian dilakukan di 15 belas buah tamu di Pantai Barat Sabah. Tamu yang terlibat ialah tamu di Inanam, Jalan Gaya, Kiulu, Kota Belud, Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Menggatal, Papar, Pekanabalu, Penampang, Putatan, Ranau, Tamparuli, Telipok, Tenghilan dan Tuaran (Rajah 2). Kesemua tamu ini merupakan pasar tempatan yang menjadi tumpuan utama di kawasan kajian, khususnya sebagai pusat pasaran produk tempatan, sama ada dari persekitaran semulajadi, mahupun hasil pertanian dan ternak. Dari segi letakan, tamu-tamu ini mempunyai taburan meluas di pantai Barat Sabah, iaitu meliputi kawasan pinggir pantai sehingga ke kawasan pergunungan di banjaran Crocker. Ini menggambarkan ruang pasaran tumbuhan ubatan yang tidak dihalangi oleh faktor geografi.



RAJAH 2. Kawasan Kajian  
Sumber: Pusat Penderiaan Jauh dan Sistem Maklumat Geografi,  
Universiti Malaysia Sabah.

Kawasan kajian merupakan bahagian di negeri Sabah yang mengalami pembangunan paling pesat, khususnya bagi sektor perindustrian. Walaupun menghadapi tekanan pembangunan yang kompleks, namun kewujudan tamu masih relevan sebagai nadi kepada pasaran tempatan. Tamu menjadi ruang utama bagi komuniti memperdagangkan hasil produk tempatan. Ini boleh dipengaruhi oleh dominasi etnik tempatan di kawasan tersebut, di mana masyarakat Kadazandusun, Bajau dan Murut mempunyai populasi terbesar di Malaysia. Pada tahun 2012, etnik Kadazandusun mencatatkan 568,675 orang, diikuti oleh Bajau seramai 450,279 orang, Melayu dan orang Murut 102,393 orang (Kntayya & Paul 2012). Daripada jumlah tersebut, sembilan etnik yang merupakan komuniti tempatan, terlibat dalam penjualan tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat Sabah. Etnik tersebut termasuk Kadazandusun, Sino, Bajau, Rungus, Brunei, Kedayan, Murut, Lundayeh dan Bisaya.

Pengumpulan maklumat dilakukan melalui kerja lapangan yang melibatkan kaedah temuramah, pemerhatian dan soal selidik. Maklumat yang dikumpul, kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dalam perisian *Statistical*

*Package for Social Sciences (SPSS) IBM 21* untuk memerihalkan tumbuhan ubatan yang dijual di kawasan kajian. Responden dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampelan ini digunakan dalam memilih subjek berdasarkan ciri-ciri khusus. Dalam konteks ini pemilihan subjek hanya tertumpu kepada penjual dari kalangan etnik tempatan yang menjual tumbuhan ubatan di kawasan kajian. Secara keseluruhannya, seramai 107 orang penjual telah mengambil bahagian dalam proses temuramah dan soal selidik. Maklumat yang dikumpul melalui temuramah adalah berkaitan dengan spesies tumbuhan ubatan dan peranan mereka dalam membekal dan menguruskan sumber tersebut.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### LATAR BELAKANG PENJUAL TUMBUHAN UBATAN

Hasil kajian mendapati bahawa etnik Kadazandusun menguasai aktiviti penjualan tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat Sabah, iaitu seramai 74 orang (69%). Etnik tersebut mempunyai taburan yang paling luas mengikut lokasi tamu, iaitu direkodkan di 14 daripada 15 buah tamu yang terpilih. Ini diikuti oleh Sino dan Bajau yang masing-masing direkodkan di enam dan lima buah tamu. Dari segi jantina pula kebanyakannya penjual adalah kaum wanita, iaitu seramai 65 orang berbanding 9 orang lelaki. Mereka berasal dari 11 kawasan di pantai barat, iaitu dari Tamparuli (5.3%), Penampang (4.2%), Kiulu (3.9%), Kota Belud (2.9%), Tuaran (2.1%), Tenghilan (1.8%), Papar (1.1%) dan Ranau (1.1%), Pekanabalu dan Putatan masing-masing direkodkan sebanyak 0.4%. Kadazandusun yang berasal dari luar Pantai Barat pula datang dari tiga kawasan termasuk Keningau (1.4%), Tambunan (0.7%) dan Kota Marudu (0.7%). Ini menjadikan jumlah keseluruhan penjual berketurunan Kadazandusun dari Pantai Barat adalah 66 orang berbanding 8 orang dari kawasan luar.

Masyarakat berketurunan Kadazandusun mempunyai populasi terbesar di Sabah, iaitu membentuk sejumlah 30% daripada jumlah penduduk. Kumpulan ini mempunyai taburan yang luas di seluruh negeri, khususnya di kawasan Pantai Barat. Mereka merupakan penduduk Pribumi terawal di Sabah (Dayu 2008). Menurut Shim (2007), masyarakat Kadazandusun yang terawal di Pantai Barat Sabah memulakan petempatan di Sungai Tuaran. Etnik ini terkenal dengan amalan

perubatan berdasarkan tumbuhan. Penjual tumbuhan ubatan di kawasan kajian berasal dari 11 daerah dalam lingkungan pantai Barat Selatan, manakala tiga daerah di luar kawasan kajian, termasuk Keningau, Kota Marudu dan Tambunan. Wanita Kadazandusun di kawasan kajian sangat aktif dalam penjualan tumbuhan ubatan, di mana mereka merupakan 77% daripada jumlah keseluruhan wanita yang terlibat dalam pasaran tumbuhan ubatan di kawasan kajian. Manakala bagi golongan lelaki, mereka mewakili 39% jumlah keseluruhan penjual lelaki. Dari segi umur pula, mereka yang terlibat dalam pasaran tumbuhan ubatan berumur di antara 21 hingga 90 tahun.

Masyarakat Bajau atau Sama-Bajau pula terkenal dengan petempatan mereka di pinggir pantai (Felix 2002; Michael 2004). Oleh itu mereka sering dianggap sebagai penjaga laut. Etnik ini membentuk 15% daripada populasi penduduk negeri Sabah. Etnik bumiputera yang kedua terbesar di Sabah ini telah mengalami perubahan daripada aktiviti berdasarkan laut kepada ekonomi bandar (Gusni 2000). Bagi kawasan Pantai Barat Sabah, komuniti Bajau mempunyai taburan yang tinggi di daerah Kota Belud dan Tuaran. Berdasarkan data lapangan, penjual berketurunan Bajau berasal daripada enam daerah, termasuk Kota Belud, Kota Marudu, Papar, Tawau, Telipok dan Tuaran. Mereka terdiri daripada golongan yang berumur dalam lingkungan 28 tahun hingga 67 tahun. Manakala dari segi nisbah jantina adalah agak seimbang, iaitu 40% lelaki (4 orang) dan 60% (6 orang) lagi golongan wanita yang terlibat dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu.

Etnik Bisaya lazimnya berasal dari kawasan yang terletak bersempadan di antara negeri Sabah, Sarawak dan Brunei, iaitu termasuk Kuala Penyu, Limbang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Beaufort. Terdapat juga hasil kajian sejarah yang menyebut tentang penghijrahan masyarakat ini ke Filipina sehingga wujudnya masyarakat Visaya di negara tersebut (Siti Aida 2012). Masyarakat Bisaya yang beragama Islam ini dipercayai telah lama datang ke Sabah melalui aktiviti perdagangan lalu terus menetap di Sabah. Menurut Dayu (2008) pula, orang Bisaya pada asalnya adalah berketurunan Dusun Tutong yang berasal dari Brunei, lalu berhijrah ke Sabah. Mereka digelar Dusun Tutong kerana membina petempatan di kawasan teluk dan sepanjang tepi sungai Tutong dan kawasan Belait di Brunei (Shim 2007). Bagi kawasan kajian, hanya seorang penjual berketurunan Bisaya telah dikenal pasti semasa kajian dijalankan. Penjual

lelaki tersebut yang berusia 45 tahun berasal dari Kuala Penyu, Sabah.

Masyarakat Melayu Brunei atau disebut sebagai bangsa ‘Brunei’ di Sabah juga terkenal sebagai penduduk yang mendiami kawasan pinggir pantai (Felix 2002). Kumpulan etnik ini pada asalnya tinggal di bahagian barat negeri Sabah, iaitu di sempadan negeri Sabah dan Sarawak serta sempadan negara Brunei Darussalam dan Wilayah Persekutuan Labuan. Taburan petempatan etnik ini wujud secara meluas sehingga ke daerah Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu, Kota Klias, Membakut, Bongawan, Kimanis, Benoni Papar, Tuaran, Kudat dan Labuan (Asmiaty & Saidatul 2012). Tiga orang penjual tumbuhan ubatan di kawasan kajian merupakan orang Brunei yang masing-masing berumur 16 tahun, 30 tahun dan 76 tahun. Mereka terdiri daripada dua orang perempuan dan seorang lelaki yang berasal dari Membakut dan juga Papar.

Orang Kedayan merupakan etnik tempatan yang tinggal di antara negeri Sarawak, negara Brunei dan negeri Sabah. Mereka sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu Brunei kerana bertutur dalam bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu. Masyarakat ini mempunyai populasi seramai 46,000 orang di Sabah, dengan kebanyakannya mereka tinggal di Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan juga di Pulau Labuan. Hanya dua orang penjual lelaki berketurunan Kedayan melibatkan diri dalam penjualan tumbuhan ubatan di tamu Pantai Barat, Sabah. Mereka berada dalam lingkungan umur 30-an yang berasal dari Beaufort.

Masyarakat Lundayah tinggal di kawasan pedalaman Sabah, di Kalimantan Timur, utara Sarawak dan di kawasan utara Brunei (Bilcher et al. 2012). Masyarakat petani dan pemungut hasil hutan ini juga dikenali sebagai Lun Bawang atau Lundayo. Etnik yang pada awalnya merupakan imigran ini dipercayai berpindah dari Kalimantan dan telah lama menetap di kawasan selatan negeri Sabah (Michael 2004). Masyarakat ini sering dikaitkan dengan etnik Murut walaupun wujud perbezaan antara kedua-dua etnik tersebut (Shim 2007). Didapati bahawa hanya seorang penjual daripada etnik Lundayah telah dikenal pasti melibatkan diri dalam penjualan tumbuhan ubatan di kawasan kajian. Beliau berumur 50 tahun dan berasal dari daerah Sipitang.

Masyarakat Murut adalah etnik yang lazimnya tinggal di kawasan pedalaman di Selatan Sabah, termasuk Tenom, Pensiangan dan sebahagian kawasan di daerah Keningau serta di kawasan

bersempadan dengan negeri Sarawak dan Kalimantan Indonesia (Jacqueline 2012). Mereka dikatakan berasal dari negara Filipina, bergerak ke selatan Borneo dan masuk ke utara Borneo yang kini dikenali sebagai negeri Sabah (Shim 2007). Etnik ketiga terbesar di Sabah ini membentuk 3% daripada populasi penduduk negeri ini (Jabatan Penerangan Malaysia 2008). Julius Kulip (2003) mendapati bahawa kaum Murut melibatkan diri secara aktif di tamu dalam penjualan tumbuhan yang dituai dari kawasan hutan. Hasil kajian menunjukkan hanya seorang penjual wanita daripada suku kaum Murut terlibat dalam penjualan tumbuhan ubatan. Beliau yang berasal dari daerah Tenom ditemui di Inanam.

Masyarakat Rungus atau Momogun Rungus biasanya berasal dari utara Borneo. Taburan petempatannya berada di kawasan pesisir Pantai Barat, Kudat, pantai timur Kudat, Teluk Marudu, Pitas, dan di kepulauan sekitar Kudat. Mereka tidak menggelar diri mereka Dusun, walaupun mereka menyedari wujud hubungan dengan etnik tersebut daripada segi bahasa (Michael 2004). Seramai lima orang penjual yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan dikenal pasti menjual tumbuhan ubatan di kawasan kajian. Mereka berasal dari Kudat dan seorang lagi dari Penampang.

Masyarakat Sino ialah kumpulan etnik tempatan berketurunan peranakan yang dilahirkan daripada hasil perkahwin campur antara individu bumiputra dengan individu berketurunan Cina. Kedudukan Sino adalah unik daripada segi penentuan kaum kerana seseorang individu bebas memilih untuk menjadi Sino, Bumiputra ataupun Cina. Masyarakat ini telah lama bertapak di Sabah dan diterima sebagai masyarakat Pribumi atau ‘Native’ pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan juga British di Sabah (Dayu 2008). Daripada segi taburan populasi, masyarakat Sino biasanya tinggal di kawasan bandar dan menjalankan kegiatan perniagaan (Jurry 2012). Seramai 10 orang penjual berketurunan Sino yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tujuh orang perempuan dikenal pasti di kawasan kajian. Dua orang daripadanya berumur di bawah 50 tahun, manakala selebihnya berumur 51 tahun ke atas. Mereka berasal dari kawasan bandar di Penampang (4 orang), Kota Belud (2 orang), Papar (2 orang), Kudat (1 orang) dan Tenghilan (1 orang).

Setiap etnik yang terlibat dalam pasaran tumbuhan ubatan di kawasan kajian mempunyai keistimewaan masing-masing dalam menyediakan bekalan tumbuhan dan maklumat mengenai

kepentingan sumber tersebut. Penglibatan mereka adalah penting dalam pengurusan sumber kerana mereka adalah pihak yang paling berkepentingan terhadap sumber yang digunakan dan mempunyai kemahiran dan pengetahuan luas mengenai latar belakang sumber tersebut.

#### LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI

Analisis latar belakang sosio-ekonomi mendapat bahawa majoriti responden (98%) menjalankan kegiatan penjualan tumbuhan ubatan sebagai punca pendapatan utama. Dari segi gender, golongan wanita (79%) menguasai pasaran ini berbanding golongan lelaki (21%), manakala dari segi latar belakang pendidikan pula, majoriti (41%) daripada responden mendapat pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat menengah. Anggaran pendapatan bulanan yang diperoleh golongan ini adalah dalam lingkungan RM100 hingga RM2000, di mana kebanyakannya memperolehi RM500 ke bawah iaitu kira-kira 77% daripada jumlah keseluruhan penjual. Daripada angka tersebut, 22.4% meraih pendapatan sebanyak RM300 sebulan manakala 21.5% lagi memperolehi RM500. Sebanyak 9 orang pula memperolehi RM1000 hingga RM2000 sebulan melalui pasaran tumbuhan. Ini menunjukkan bahawa penjualan tumbuhan ubatan sememangnya menjadi sumber pendapatan masyarakat tempatan di Sabah (Andersen et al. 2003; Julius, Andy & Walter 2009). Ia bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan utama, tetapi juga menjadi pekerjaan sampingan kepada penjual, khususnya bagi golongan wanita.

#### MOBILITI PENGETAHUAN DAN SUMBER

Pengetahuan merujuk kepada maklumat yang dimiliki secara sedar dan menjadi pembimbing kepada tingkah laku (Mumtazah 2011). Pengetahuan terhadap penggunaan sumber menentukan status sumber tersebut. Oleh itu pengurusan sumber yang cekap memerlukan pengetahuan yang tepat (Katiman & Asmah 2006). Mobiliti pengetahuan dan sumber bergerak seiring dengan pergerakan manusia dari satu lokasi tamu ke lokasi tamu yang lain. Mobiliti pengetahuan merujuk kepada aliran atau proses pemindahan pengetahuan dari satu pihak kepada pihak yang lain. Pasaran tumbuhan ubatan di tamu melibatkan mobiliti pengetahuan dan aliran sumber, di mana pengetahuan penjual

dipindahkan kepada pembeli melalui kegunaan dan kaedah penggunaan yang dikongsikan.

Sikap keterbukaan terhadap kepelbagai budaya merupakan salah satu sifat semula jadi masyarakat di kawasan kajian yang turut menggalakkan trasformasi pengetahuan antara budaya (Jurry et al. 2014). Dalam konteks ini, pengetahuan mengenai penggunaan sesuatu spesies tumbuhan ubatan dibawa oleh penjual dan disebarluaskan kepada pengguna serta penjual lain. Manakala sumber adalah merujuk kepada tumbuhan berkhasiat yang boleh digunakan bagi pelbagai tujuan kesihatan atau ubat. Misalnya, pengetahuan mengenai penggunaan spesies *Agathis borneensis* (Raja kayu) oleh orang Kedayan dari Beaufort dan juga kegunaan *Boesenbergia stenophylla* (Jerangau merah) yang dibawa oleh orang Bisaya dan Kedayan dari Kuala Penyu dan Beaufort. Pengetahuan yang disebarluaskan mempengaruhi amalan dan sistem kesihatan serta amalan dalam budaya masyarakat di kawasan kajian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penjual tumbuhan ubatan yang terlibat dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu berasal dari 21 tempat. Daripada jumlah ini, 11 tempat terletak dalam lingkungan Pantai Barat, Sabah dan 10 tempat lagi sebaliknya. Seramai 85 orang penjual (79.4%) berasal dari kawasan kajian dan selebihnya 22 orang (20.6%) berasal dari luar. Daripada jumlah tersebut, kebanyakannya daripada penjual datang dari daerah Penampang (15.9%), diikuti Tamparuli (14%), Kota Belud (12.1%) dan Kiulu (10.3%). Selebihnya masing-masing di bawah 10% berasal dari Tuaran (9.3%), Papar (6.5 %), Tenghilan (5.6%), Kudat (4.7%), Keningau (2.8%), Kota Marudu (2.8%) dan Ranau (2.8%). Penjual yang berasal dari Beaufort, Membakut dan Tambunan masing-masing 1.9%, manakala yang paling sedikit mewakili 0.9% berasal dari Inanam, Kuala Penyu, Pekanabalu, Putatan, Sipitang, Tawau dan Tenom. Ini menunjukkan bahawa berdasarkan kepada 21 tempat asal penjual, 11 daripadanya berada dalam lingkungan Pantai Barat, Sabah, manakala selebihnya di luar kawasan kajian. Daripada jumlah tersebut, penjual dari dalam lingkungan Pantai Barat, Sabah mendominasikan pasaran tempatan. Mereka ialah kumpulan penjual dari Penampang (17 orang), diikuti oleh penjual dari tiga tempat lain iaitu Tamparuli (15 orang), Kota Belud (13 orang) dan Tuaran (10 orang). Penjual dari luar kawasan kajian yang mencatatkan bilangan paling ramai pula adalah kumpulan yang berasal dari Kudat (5 orang).

Maklumat mengenai taburan asal usul penjual menggambarkan bahawa wujud mobiliti penjual dan sumber. Ini juga merupakan bukti yang menunjukkan interaksi dan kebergantungan terhadap sumber tumbuhan ubatan dalam ruang pasaran tempatan tidak dibatasi oleh sempadan pentadbiran. Kehadiran penjual dari dalam dan luar kawasan Pantai Barat ke ruang pasaran yang dikaji adalah seimbang. Namun dari segi komposisi penjual, dapatkan kajian menampakkan lebihan bilangan penjual berasal dari dalam lingkungan kawasan kajian.


### FAKTOR PENGLIBATAN

Keterlibatan manusia dalam sesebuah ruang bergantung kepada tanggapannya terhadap ruang. Dalam kajian di Pantai Barat Sabah, lima faktor utama penglibatan komuniti dalam penjualan tumbuhan telah dikenal pasti. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada peluang pendapatan (4.37), keinginan diri (4.44), permintaan pasaran (3.95), amalan atau budaya (3.87) dan potensi tumbuhan ubatan sebagai ubat (3.82) (rujuk Rajah 3). Daripada senarai tersebut, faktor ekonomi dilihat sebagai aspek yang mempunyai pengaruh paling kuat terhadap penglibatan komuniti dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu. Ini dapat dijelaskan melalui skor min yang tinggi bagi item peluang pendapatan dan item permintaan pasaran. Manakala item-item keinginan diri, amalan budaya dan potensi tumbuhan sebagai ubat juga tidak kurang penting.

Manusia telah lama menilai kepentingan sesuatu barang dengan nilai wang (Nik Fuad & Noraien 2007). Penjual sering menganggap pasaran ini sebagai peluang ekonomi (Jurry et. al 2014). Penjualan tumbuhan ubatan telah terbukti menjadi

membuka peluang menjana pendapatan. Menurut Fatan (2003), tumbuhan yang mempunyai khasiat perubatan berpotensi untuk dikomersialkan dan membuka peluang kepada pendapatan. Beberapa kajian menunjukkan kebergantungan pendapatan komuniti tempatan melalui penjualan tumbuhan ubatan. Jurry et. al (2014) dalam kajian tinjauan mendapati bahawa majoriti penjual tumbuhan ubatan di Pantai Barat Sabah melakukan kegiatan tersebut sebagai punca pendapatan utama. Manakala Julius Kodoh (2006) mengenal pasti kebergantungan terhadap penjualan tumbuhan sebagai punca pendapatan pada kadar 60% dan 90%. Kajian-kajian tersebut turut berlaku di kawasan kajian, di mana peluang pendapatan menjadi faktor yang paling mempengaruhi penglibatan penjual dari kalangan etnik tempatan untuk melibatkan diri dalam pasaran sumber tersebut. Seramai 98% daripada mereka menjadikan kegiatan tersebut sebagai sumber pendapatan utama, manakala selebihnya sebagai pendapatan sampingan. Ini menunjukkan pergantungan yang tinggi dalam kalangan penjual tumbuhan ubatan terhadap pasaran sumber tersebut.

Dalam sesebuah ruang, keinginan individu mempunyai kaitan dengan tanggapannya terhadap ruang. Keinginan diri wujud atas kerelaan untuk melakukan sesuatu perkara. Ia merupakan ciri dalaman diri yang membentuk emosi dan tindakan seseorang individu untuk mencapai sesuatu matlamat. Keinginan juga berkaitan dengan dua ciri individu mapan iaitu minat dan keazaman. Minat adalah perasaan suka dan cinta dalam melakukan sesuatu perkara yang mendorong kepada tindakan untuk menghasilkan kesan yang positif, manakala keazaman pula berkaitan dengan kesungguhan untuk melaksanakan perancangan demi mencapai matlamat (Nik Fuad & Noraien 2007). Dari sudut pandangan tradisi ruang, keinginan boleh dikaitkan



RAJAH 3. Faktor Utama yang Mempengaruhi Penglibatan

dengan konteks pengurusan sumber, keinginan diri wujud daripada kesedaran dan keprihatinan terhadap pemuliharaan sumber.

Permintaan terhadap tumbuhan ubatan juga penting sebagai dorongan kepada kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan di kawasan kajian (Jurry et al. 2014). Permintaan merupakan aspek asas dalam ekonomi sebagai pelengkap kepada penawaran. Permintaan berlaku kerana kepentingan sesuatu sumber kepada manusia pada ruang dan masa tertentu. Dalam konteks penjualan tumbuhan ubatan, permintaan terhadap sumber tumbuhan ubatan telah membuka peluang ekonomi dan mendorong penyertaan komuniti tempatan dalam terus melakukan penawaran di tamu.

Amalan atau budaya penggunaan tumbuhan ubatan telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat tempatan di Malaysia (Khairuddin 2015; Jurry et al. 2014). Amalan atau budaya telah menjadi faktor keempat terpenting yang mempengaruhi penglibatan responden dalam pasaran tumbuhan ubatan. Kajian mendapati beberapa respon yang menjadi kunci kepada amalan berterusan dan pembudayaan perubatan berasaskan tumbuhan iaitu '*tumbuhan bagus sebab tulen, tiada campuran*' dan '*biasa sudah guna*' yang bermaksud mereka yakin dengan khasiat tumbuhan ubatan dan telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan mereka. Faktor amalan yang melibatkan kepercayaan terhadap tumbuhan ubatan juga pernah dinyatakan oleh Ibrahim (2008) berkenaan dengan sikap masyarakat di Malaysia yang mempunyai keyakinan tinggi terhadap keselamatan penggunaan sumber tersebut, sehingga menjadi faktor yang menyebabkan tumbuhan terus digunakan.

Potensi tumbuhan sebagai ubat telah lama disedari dalam sistem kesihatan tempatan. Potensi tersebut telah menjadi pemangkin kepada pengayaan nilai spesies bukan sahaja sebagai ubat, tetapi sebagai produk yang boleh dimanfaatkan sebagai penjana pendapatan. Malahan, potensi tumbuhan sebagai ubat menjadikan ia penting sebagai bahan kajian dan sumber bahan mentah dalam menghasilkan pelbagai produk kesihatan. Ini dapat dilihat melalui kajian lepas yang mendapati bahawa tumbuhan ubatan mempunyai fungsi selain ubat, iaitu penyumbang kepada sosio-ekonomi, seperti kajian Fatan Hamamah (2003). Kekayaan nilai menyebabkan ia menjadi satu daripada faktor penting yang menarik perhatian komuniti tempatan menjual sumber tersebut di tamu yang dikaji.

## PERANAN DALAM MEMBEKALKAN SUMBER

Ruang tamu telah mencetuskan pertembungan ekonomi, budaya dan sosial sejak zaman sebelum merdeka. Peranan utama tamu adalah sebagai pusat pertukaran yang melibatkan perjanjian antara pihak yang terlibat dalam aktiviti di tamu (Abdul Samad 1989). Selain memainkan peranan sebagai ruang ekonomi, tamu juga menjadi pusat pertembungan budaya melalui pelbagai kegiatan sosial, termasuk komunikasi, rekreasi dan riadah seperti lumba kerbau, laga ayam, menyanyi dan menari pada masa senggang dan pesta yang dianjurkan di tamu (Chong & Low 2008). Penglibatan pelbagai etnik dalam ruang tamu telah lama berlaku di Sabah, khususnya di Pantai Barat. Perkembangan ekonomi dan dasar keterbukaan telah membenarkan suku kaum daripada etnik lain untuk sama-sama menjalankan aktiviti di tamu. Bagi pasaran tumbuhan ubatan, penglibatan pelbagai etnik sebagai penjual telah meluaskan lagi pasaran dan memperkayakan pengetahuan tentang utilitarian spesies, di samping memperkenalkan spesies baharu, iaitu spesies yang tidak pernah dijual di tamu tersebut sebelum ini oleh satu kumpulan etnik kepada etnik yang lain.

Kadazandusun merupakan etnik penyumbang terbesar kepada sumber tumbuhan ubatan yang dijual di kawasan kajian. Mereka menjual 64 spesies daripada keseluruhan 77 spesies tumbuhan yang disenaraikan. Penyumbang yang kedua pula adalah penjual yang berketurunan Sino dan Bajau dengan masing-masing menjual 17 dan 15 spesies tumbuhan. Manakala etnik lain yang turut memainkan peranan penting dalam kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan di peringkat tempatan adalah penjual berketurunan Brunei (5 spesies), Kedayan (4 spesies), Rungus (3 spesies), Lundayeh (3 spesies), Murut (2 spesies) dan Bisaya (1 spesies).

Masyarakat Kadazandusun menjual sumber daripada hasil hutan, tanaman dan ternakan. Berdasarkan kajian lapangan, mereka didapati menjual di semua tamu yang dikunjungi, kecuali di tamu Telipok. Pelbagai spesies daripada tumbuhan yang liar dan tanaman seperti rumput, epifit, liana, lumut, paku halia, herba, palma, pepanjat, pokok dan pokok renek disenaraikan daripada lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun menyumbang bilangan spesies tumbuhan terbanyak dalam tamu di Pantai Barat. Spesies yang paling banyak dijual oleh etnik tersebut


ialah *Carica papaya*. Ia dijual di enam buah tamu di tamu Kiulu, Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Penampang, Tamparuli, Tenghilan dan Tuaran. *Parkia speciosa* pula ditawarkan di lima buah tamu termasuk tamu Menggatal, Papar, Tamparuli dan di Tenghilan. Manakala *Centella asiatica* dijual di Inanam, Papar dan Penampang. Spesies herba yang lain termasuk *Ocimum tenuiflorum* juga dijual di tiga buah tamu, iaitu di tamu KPD, Penampang dan Tenghilan. *Piper betle* dijual di Kiulu, Menggatal, Penampang dan Tamparuli manakala *Clinacanthus nutans* pula di Pekanabalu, Penampang dan Tuaran. Bagi *Curcuma longa*, ia boleh didapati di Kota Belud, KPD dan Tenghilan, manakala *Zingiber officinale* var. *rubrum* dijual di Kiulu, Kota Belud dan Tenghilan dan *Eurycoma longifolia* yang ditawarkan di tamu Papar, Penampang dan Ranau dan spesies *Agathis borneensis* yang dijual di tamu Pekanabalu, Penampang dan Ranau.

*Caesalpinia sappan* dijual di tamu Penampang dan Ranau, manakala *Cinnamomum verum* (kayu manis) ditawarkan di Papar dan Penampang. Spesies lain yang dijual di dua buah tamu adalah *Cymbopogon nardus* yang boleh didapati di Papar dan Tamparuli, *Etlingera coccinea* di Kiulu dan Tenghilan, *Hibiscus sabdariffa* di tamu KPD dan Penampang, *Hydnophytum formicarum* di Penampang dan Ranau, *Fibraurea chloroleuca* di Papar dan Ranau, *Phaleria papuana* di Inanam dan Ranau, *Musa acuminata* (pisang) pula dijual di tamu Inanam dan Putatan, *Spatholobus oblongifolius* di Ranau dan Tenghilan, *Orthosiphon stamineus* (misai kucing) di Pekanabalu dan Tuaran, dan *Dichapetalum geloniooides* dijual di Papar dan Ranau. Spesies *Xylocarpus granatum* boleh didapati di Pekanabalu dan Ranau dan *Zingiber officinale* (halia) pula di tamu KPD dan Tamparuli.

Spesies yang didapati dijual masing-masing di sebuah tamu sahaja oleh penjual berketurunan Kadazandusun bagi kawasan Pantai Barat di Sabah ialah *Roroppa nasturtium-aquaticum* di tamu Inanam, *Platycladus orientalis* di tamu mingguan Jalan Gaya, *Diospyros foxworthyi* (buah mentega) dan *Momordica charantia* (peria) di Kota Belud, *Cosmos caudatus* (ulam raja) dan *Vitex pinnata* (halban) di tamu KPD; *Morinda citrifolia* (mengkudu) di Putatan, *Stevia rebaudiana bertoni* di Pekanabalu dan *Areca catechu* (pinang) direkodkan di tamu pekan Menggatal. Tiga spesies pula dijual di Papar, iaitu *Ficus deltoidea* (mas cotek), *Goniothalamus roseus* (limpanas) dan *Selaginella lepidophylla*.

Sebanyak 16 spesies lain yang hanya dijual di tamu Penampang sahaja, iaitu *Alpinia galanga*, *Boesenbergia stenophylla*, *Citrus hystrix*, *Cymbopogon citratus*, *Kaempferia galanga*, *Melaleuca cajuputi*, *Moringa oleifera*, *Murraya koenigii*, *Nicotiana tabaccum*, *Persea americana*, *Plantago major*, *Polygonum minus*, *Solanum torvum*, *Tinospora crispa*, *Uncaria gambir* dan *Usnea flexilis*. Spesies *Blumea balsamifera* dan *Melastoma sanguineum* pula dijual di Tamparuli, *Averrhoa carambola* dan *Momordica charantia* di Tenghilan. Lapan spesies lagi dijual di Tuaran sahaja, iaitu *Aloe vera*, *Andrographis paniculata*, *Annona muricata*, *Bougainvillea spectabilis*, *Coleus blumei*, *Hibiscus sabdarifa*, *Psidium guajava* dan *Syzygium aqueum*.

Penjual berketurunan Sino juga memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam pasaran tumbuhan ubatan di tamu, Pantai Barat, Sabah. Etnik peranakan ini menjual 17 spesies tumbuhan ubatan di kawasan kajian. Spesies yang baru diperkenalkan di tamu iaitu *Phaleria papuana*



RAJAH 4. Bilangan Spesies yang Dijual Mengikut Etnik

dijual oleh etnik Sino di tiga buah tamu termasuk Kota Belud, Penampang dan Inanam. Tujuh spesies iaitu *Clinacanthus nutans*, *Cymbopogon nardus*, *Melaleuca cajuputi*, *Morus alba*, *Orthosiphon stamineus*, *Piper sarmentosum* dan *Synsepalum dulcificum* dijual di Kota Belud; *Carica papaya* pula dijual di Inanam dan Tenghilan, manakala *Peperomia pellucida*, *Portulaca oleracea* dan *Solanum torvum* dijual di tamu Penampang. Spesies selebihnya adalah *Centella asiatica* dan *Stevia rebaudiana bertoni* yang dijual di tamu Jalan Gaya. Sarang semut atau *Dischidia rafflesiana* pula ditawarkan di Papar, manakala *Fibraurea chloroleuca* juga dijual di Papar dan Penampang, Sementara *Parkia speciosa* pula di tamu Tenghilan.

Penjual tumbuhan ubatan berketurunan Bajau direkodkan di lima buah tamu, iaitu di Jalan Gaya, Kota Belud, Papar, Telipok dan Tuaran. Mereka menjual *Andrographis paniculata* di Kota Belud dan Telipok dan *Sansevieria trifasciata* di Kota Belud dan Tuaran. Empat spesies dijual di tamu Jalan Gaya, termasuk *Centella asiatica*, *Cymbopogon nardus*, *Diospyros foxworthyi* dan *Coscinium ferastatum*. Di Kota Belud pula, tiga spesies dijual iaitu *Areca catechu*, *Capsicum frutescens* dan *Melaleuca cajuputi*. Dua spesies pula masing-masing dijual di Tuaran, iaitu *Aloe vera* dan *Mentha arvensis*, di Telipok, melibatkan spesies *Clinacanthus nutans* dan *Cosmos caudatus* serta dua spesies lagi di tamu Papar iaitu *Caesalpinia sappan* dan *Dichapetalum gelonioides*.

Masyarakat Brunei pula menjual tumbuhan ubatan yang dibawa dari tempat asal mereka. Lima spesies tumbuhan dijual sebagai ubat, iaitu *Dichapetalum gelonioides* dan *Salacca zalacca* yang dijual di tamu Jalan Gaya, di samping *Eurycoma longifolia* dijual di tamu yang sama. Spesies halia pula direkodkan di tamu Inanam, iaitu *Zingiber officinale* var. *rubrum* dan *Curcuma longa*.

Penjual dari etnik Kedayan menjual empat spesies tumbuhan ubatan di dua tamu di Pantai Barat Sabah. *Agathis borneensis*, *Caesalpinia bonduc* dan *Boesenbergia stenophylla* dijual di Papar. *Boesenbergia stenophylla* juga dijual di Tuaran bersama spesies *Hydnophytum formicarum*. *Agathis borneensis* dan *Boesenbergia stenophylla* didakwa oleh penjual sebagai tumbuhan yang asal kepada kawasan bersempadan Sabah dan Sarawak.

Penjual berketurunan Rungus, Lundayeh, Murut dan Bisaya membawa sumber tumbuhan ubatan dari luar kawasan Pantai Barat Sabah.

Spesies yang dijual sebagai ubat oleh etnik Rungus ditawarkan di tamu Penampang. Tiga spesies yang dijual adalah termasuk satu hasil hutan *Parkia speciosa* dan dua tumbuhan tanaman iaitu *Piper betle* dan *Areca catechu*. Manakala penjual berketurunan Lundayeh menawarkan tiga spesies tumbuhan ubatan di tamu Inanam. Spesies tersebut adalah *Ficus deltoidea*, *Pinus caribaea* dan spesies yang baru diperkenalkan dalam pasaran tamu iaitu *Phaleria papuana*. Penjual etnik Murut pula direkodkan terlibat dalam penjualan tumbuhan ubatan di tamu Inanam. Mereka menjual dua spesies tumbuhan ubatan iaitu *Momordica charantia* dan *Piper betle*. Hanya terdapat seorang penjual berketurunan Bisaya semasa pelaksanaan kerja lapangan. Penjual berusia 45 tahun tersebut berasal dari Kuala Penyu, Sabah. Spesies yang dijual adalah Jerangau merah, iaitu sejenis halia hutan yang digunakan bagi mengatasi masalah angin dalam badan. Tumbuhan ini biasanya dijual dalam bentuk hidup atau segar dan juga dalam bentuk minyak.

Maklumat ini memberikan gambaran tentang kerancakan interaksi pemasaran tumbuhan ubatan dalam ruang tamu Pantai Barat di Sabah. Sembilan etnik daripada 21 kawasan yang merupakan daerah dan pekan di dalam dan luar kawasan kajian terlibat dalam menyediakan sumber tumbuhan ubatan. Walaupun kumpulan penjual daripada etnik Kadazandusun dan Sino merupakan kumpulan kebanyakannya dalam kawasan kajian, namun kehadiran kumpulan minoriti seperti Kedayan telah memperkayakan lagi bilangan penawaran spesies, khususnya bagi spesies yang mempunyai bekalan terhad dan hanya terdapat di kawasan tertentu seperti *Agathis borneensis* dan *Boesenbergia stenophylla*. Ini juga jelas menunjukkan bahawa setiap etnik mempunyai peranan masing-masing dan sama penting terhadap sumber yang dijual. Manakala pengenalan kepada spesies baru dalam tamu seperti *Phaleria papuana* menambah koleksi tumbuhan ubatan dalam amalan perubatan berasaskan tumbuhan bagi kalangan etnik yang terlibat di tamu.

## RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Manusia mengorganisasikan ruangnya dalam mencapai matlamat penghidupan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti etnik tempatan dalam pasaran tumbuhan ubatan memberi impak yang besar kepada keberterusan penggunaan

tumbuhan ubatan dalam kehidupan masyarakat di Pantai Barat Sabah sebagai satu daripada matlamat kehidupan. Ini menunjukkan kebergantungan antara penglibatan komuniti dengan pasaran tumbuhan ubatan yang bermatlamatkan kesihatan dan keberterusan pasaran. Menariknya ialah penjual mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan produk tumbuhan yang ingin dipasarkan di tamu. Setiap etnik didapati mempunyai peranan masing-masing dalam membekalkan sumber, penyampaian maklumat dan pengendalian spesies tumbuhan ubatan yang ditawarkan. Malahan, kajian mendapati bahawa majoriti daripada responden di kalangan penjual bersedia untuk menyebarkan maklumat mengenai tumbuhan ubatan yang dijual. Kekuatan penglibatan etnik dalam meneruskan penjualan tumbuhan ubatan juga didorong oleh faktor ekonomi yang diyakini menyumbang kepada sumber pendapatan, disamping dorongan dalam diri untuk terlibat dalam pasaran tersebut.

Dari segi peranan, etnik tempatan masing-masing menyediakan bekalan tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan kepada pembeli di tamu. Malahan pasaran tumbuhan bergantung kepada bekalan spesies khusus seperti *Agathis borneensis* dan *Boesenbergia stenophylla* daripada etnik tempatan minoriti yang membawa sumber bekalan tersebut dari kawasan pedalaman. Panawaran berterusan spesies ubatan yang biasa digunakan seperti *Piper betle* dan *Areca catechu* oleh kumpulan etnik majoriti pula, khususnya etnik Kadazandusun memberikan kemudahan kepada pengguna dan seterusnya mengekalkan budaya penggunaan tumbuhan berkaitan dalam kalangan masyarakat di kawasan yang membangun itu.

Peranan etnik sebagai pembekal tumbuhan ubatan juga bukan sahaja memberikan implikasi kepada keberterusan amalan penggunaan sumber tersebut, tetapi juga mempunyai kaitan langsung dengan manfaat ekonomi penjual. Ini kerana kebergantungan terhadap tumbuhan ubatan membuka peluang pasaran yang boleh menyumbang pendapatan pembekal. Permintaan beterusan terhadap tumbuhan ubatan juga boleh meningkatkan nilai ekonomi sesebuah spesies tumbuhan, terutamanya dari segi harga. Contohnya, spesies biasa yang kini semakin popular sebagai ubat merawat pelbagai penyakit kronik seperti *Centella asiatica* dan bunga *Carica papaya*.

Secara keseluruhannya, kebergantungan manusia terhadap tumbuhan ubatan bukan sahaja

memberikan manfaat kepada sumber, tetapi juga menyumbang kepada matlamat manusia dalam mencapai matlamat penghidupan yang diinginkan.

## RUJUKAN

- Abd Latif Mohmod. 2015. Prakata. Dlm. *Memperkasa Jalinan Industri Herba Ke Arah Transformasi Ekonomi*, disunting oleh Asiah, O., H.F. Lim., B.J. Chee., M. Nik Musaadah., M. Mastura ., K. Getha., M. G. H. Khoo., P. Mazura & S. Vimala. Prosiding Persidangan Industri Herba 2015. FRIM Proceedings No. 7. Putrajaya, 3-5 Nov. Kepong: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Hlm. ix.
- Abdul Samad Hadi. 1989. *Evolusi Dan Kedinamisan Ruang. Kajian Etnografi Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.
- Andersen J., Nilsson, C., Richelier, T.D., Fredriksodottir, H., Januarius Gobilik, Mrtz, O., Gausset, Q. 2001. Local use of forest products in Kuyongon, Sabah, Malaysia. ASEAN Review of Biodiversity and Environmental Conservation (ARBEC). <http://www.arbec.com.my/pdf/art2janmar03.pdf> Tarikh capaian: 4 Mei 2012
- Asmiaty Amat & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. Brunei. Dlm. *Murut dan Pelbagai etnik kecil lain di Sabah*, disunting oleh Kntayya Mariappan & Paul Porodong. 2012. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Azlizan Talib, Hamzah Jusoh & Yahaya Ibrahim. 2009. Penyertaan Komuniti Luar Bandar Dalam Bidang Keusahawanan Melalui Program Gerakan Daya Wawasan (GDW). Prosiding PERKEM IV(2): 369-384. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekutuan Global Kuantan, Pahang, 2-4 Jun.
- Bilcher Bala, Baszley Bee Basrah Bee & Jane Wong Kon Ling. 2012. Lundayeh. Dlm. *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*, disunting oleh Kntayya Mariappan & Paul Porodong. (2012). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Chong, H. S. & Low, A. F. 2008. *The Tamu. Sabah's Native Market*. Kota Kinabalu: OPUS Publications.

- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Permodenan 1881-1967*. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fasihuddin Ahmad & Ghazally Ismail. 2003. Medicinal plants used by Kadazandusun Community around Crocker Range. In *A scientific journey trough Borneo, Crocker Range National Park Sabah*, edited by Fasihuddin Ahmad & Ghazally Ismail. Vol. 2. Socio-cultural and human dimension. Asean Academic Press,
- Fatan Hamamah Yahaya. 2003. Potensi tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan. *Jurnal e-Bangi* 1: 1-13. Arkib. <https://core.ac.uk/download/pdf/14330177.pdf>. Tarikh capaian: 11 Jan 2018.
- Felix Tongkul. 2002. *Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah. Malaysia. Wisdom Accumulated Trough Generation*. Penampang: Partners of Community Organisation (PACOS Trust).
- Felix Tongkul. 2007. Resources management system. Bab 10. In *Traditional Systems of Indigenous People of Sabah, Malaysia. Wisdom Accumulated Through Generations*. Partners of Community Organisation (PACOS Trust), Penampang.
- Gusni Saat. 2000. Alam Kesedaran Komuniti Bajau di Kota Kinabalu. Dlm. *Sabah Dalam Perluasan Pasaran*, disunting oleh Abdul Hali Ali, Ishak Shaari Habibah Ahmad & Er Ah Choy. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haliza Abdul Rahman. 2013. *Pembangunan dan Kesihatan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslina Hashim & Regina Garai Abdullah. 2009. Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika* 77: 41-67. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysai.
- Ibrahim Jantan. 2008. Penyelidikan tumbuhan ubatan. Penemuan dan pembangunan dadah dan produk herba. Syarahan Perdana. 25 Julai. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2008. Etnik Sabah dalam Kepelbagaian Kebudayaan. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/7481-etnik-sabah-dalam-kepelbagaian-kebudayaan.html>. Tarikh capaian: 26 Julai 2014.
- Jacqueline Pugh Kitingan. 2012. Murut. Dlm. Kntayya Mariappan & Paul Porodong (pnyt.). 2012. *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, hlm. 23-107. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Julius Kodoh, Andy Russel Mojiol & Walter Lintangah. 2009. Some Common Non-Timber Forest Products Traded by Indigenous Community in Sabah, Malaysia. *Journal of Sustainable Development* 2 (2): 1-18. <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/jsd/article/view/3025> Tarikh capaian: 29 Oktober 2012.
- Julius Kodoh. 2006. Income of Local Sellers of Non-Timber Forest Products in Sabah, Malaysia. *Sepilok Buletin* 4. Sandakan: Jabatan Perhutanan Sabah: 25-30.
- Julius Kulip. 2003. An Ethnobotanical Survey of Medicinal and Other Useful Plants Of Muruts in Sabah, Malaysia. <http://www.academia.edu/download/30923505/Tel10Kul081.pdf> Tarikh capaian: 1 Julai 2013.
- Jurry Foo, Mustafa Omar, Ahmad Aldrie Amir & Abdul Latiff Mohamad. 2014. Faktor kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan di Tamu di Pantai Barat Sabah: Satu tinjauan awal. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space* 10(2): 147-160.
- Jurry Foo. 2012. Sino. Dlm. *Murut dan Pelbagai etnik kecil lain di Sabah*, disunting oleh Kntayya Mariappan & Paul Porodong. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Kalsum Kayat & Nik Ashikin Mohd. Nor. 2006. Penglibatan Komuniti dalam program Pembangunan Komuniti: Satu kajian ke atas Program homestay di Kedah. *Akademika* 67: 77-102. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Mat Salleh, Kusalah, G & Abdul Latiff Mohamad. 2000. Peranan Tumbuhan dalam Budaya Masyarakat Tempatan: Satu Kajian Etnobotani Masa Kini di Malaysia. *Sains Malaysiana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katiman Rostam & Asmah Ahmad. 2006. *Penilaian dan Pengurusan Sumber Alam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kntayya Mariappan & Paul Porodong. (pnyt.). 2012. *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Michael Boutin. 2004. Languages of Sabah. Dlm. *Languages and Literature. The Encyclopedia of Malaysia*, disunting oleh Asmah Omar. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Mumtazah Othman. 2011. Penggunaan Lestari: Konsep dan Pengenalan. Dlm. *Penggunaan Lestari. Bagaimana Tingkah laku Remaja?*, disunting oleh Mumtaz Othman & Nurizan Yahaya, 1-11. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Fuad Nik Mohd. Kamil & Noaraien Mansor. 2007. Penghidupan Mapan. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu
- Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Abdul Aziz. 2010. Kelestarian Langkawi Geopark: Penglibatan Komuniti Kuala Teriang, Langkawi. *Akademika* 78: 95-100. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shim, P. S. 2007. Inland People of Sabah. Before, during and after Nunuk Ragang. Cultural heritage of North Borneo. Putatan: Borneo Cultural Heritage Publisher.

Jurry Foo  
Program Geografi/ Unit Penyelidikan Warisan Borneo  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah  
88400 Kota Kinabalu  
Sabah  
Malaysia  
Email: jurryfoo@gmail.com

Received: 27 July 2016  
Accepted: 11 January 2018

